

PSCC wadah inspirasi digital negara

MAMPU ketengah potensi revolusi pendigitalan baharu boleh dimanfaatkan agensi kerajaan

8 Oct 2019 [+1 more](#)


Putrajaya: Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dalam mengurusperdanakan pendigitalan Sektor Awam sentiasa inovatif dan responsif, seiring fungsinya sebagai Agensi Pusat yang bertanggungjawab memacu, merintis dan mentransformasikan sistem penyampaian Perkhidmatan Awam.

Bersempena Persidangan Public Sector CIO Convex (PSCC) 2019 pada 8 dan 9 Oktober ini, MAMPU akan mengetengahkan potensi revolusi pendigitalan baharu yang boleh dimanfaatkan oleh agensi kerajaan dalam menambah baik mutu penyampaian perkhidmatan kepada rakyat dan pihak berkaitan.

Timbalan Ketua Pengarah ICT, MAMPU, Dato' Dr Suhazimah

Dzazali, berkata sejak dua tiga tahun kebelakangan ini, kerajaan elektronik tidak lagi disebut, sebaliknya ianya dikenali sebagai Kerajaan Digital kerana maksud dan peranannya lebih luas meliputi proses serta keupayaan.

“MAMPU diberi peranan sebagai peneraju pendigitalan sistem penyampaian kerajaan yang mengeluarkan Pelan Strategik ICT Sektor Awam 2016-2020 sebagai



sumber rujukan agensi dalam menyediakan rangkaian perkhidmatan menyeluruh seperti Mygovcloud@pdsa, Mygov*net, GOSG, DDMS,

MYGDX dan sebagainya. Selain memberi perkhidmatan guna sama, rangkaian pusat data dan membangunkan sistem yang bersifat generik yang diguna

pakai oleh agensi awam, MAMPU juga memberi perkhidmatan perundingan ICT kepada agensi.

“Bagi meneruskan kelestarian dan kesinambungan, PSCC adalah satu wadah untuk MAMPU berjumpa dengan Ketua Pegawai Maklumat (CIO), pengurus-pengurus ICT daripada setiap agensi Kerajaan dan rakan strategik bagi memberi pengiktirafan dan penghargaan, inspirasi serta motivasi dengan membawa pakar dari dalam dan luar negara.

“Ia bertujuan, berkongsi pengalaman, kejayaan, pengetahuan, idea, mengukuhkan jalinan kolaborasi sesama peserta dan rakan strategik,” katanya.

Ia bertujuan, berkongsi pengalaman, kejayaan, pengetahuan, idea,

mengukuhkan jalinan kolaborasi sesama peserta dan rakan strategik.

PSCC 2019 diadakan di Sime Darby Convention Centre, Bukit Kiara, Kuala Lumpur bakal dirasmikan oleh Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ismail Bakar dan seramai 850 peserta dijangka hadir, termasuk Ketua Setiausaha Kementerian (KSU), Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) serta Ketua Pegawai Maklumat (CIO), Pengurus Pendigitalan daripada setiap agensi kerajaan, Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta dan rakan strategik.

PSCC 2019 bertemakan, ‘Gaining The Edge: Navigating The Future’ dipilih kerana ianya bersesuaian dengan keperluan semasa bagi memenuhi fasa Pembangunan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) yang berpaksikan

Wawasan Kemakmuran Bersama.

“Dalam perancangan lima tahun ini, teknologi yang masih kurang diguna pakai, tetapi berpotensi digunakan seperti Internet Benda (IOT), Pengkomputeran Awan (Cloud Computing), Kecerdasan Tiruan (Artificial Intelligence), Pembelajaran Mesin (Machine Intelligence) dan sebagainya yang boleh dibangunkan di masa hadapan.

Gaining The Edge membawa hasrat supaya agensi dapat berlumba-lumba ke hadapan memajukan sektor awam, mengambil manfaat kapabiliti baharu yang ditawarkan oleh teknologi, berusaha mendapatkan pengiktirafan dan berani mencipta inovasi baharu.

Navigating The Future pula bermaksud, agensi perlu berani

dan bersedia dengan strategi dan perancangan yang rapi sebagai persediaan dalam menghadapi cabaran revolusi pendigitalan.

Dengan pendigitalan sektor awam diharapkan ia dapat mengurangkan keperluan bersemuka dengan pelanggan melalui kepelbagaian saluran penyampaian perkhidmatan Kerajaan yang boleh diakses secara online melalui portal dan media sosial.

Persidangan kali ini memfokuskan enam bidang, iaitu agility, emerging technology, digital resilience, Digital First, Citizen Centric dan cyber security.

Pada persidangan sama, MAMPU turut melancarkan buku Panduan Kejuruteraan Sistem Aplikasi Sektor Awam (KRISA). Buku ini dihasilkan oleh MAMPU bertujuan

untuk memperkukuh keupayaan intelektual dan kepakaran penjawat awam supaya lebih bersistematik dalam aspek pembangunan sistem aplikasi. Kandungan buku ini disusun berasaskan kepada metodologi dan standard antarabangsa dalam pembangunan sistem, serta diperkasakan dengan garapan pengalaman pakar-pakar ICT Sektor Awam.

Persidangan ini juga turut menyaksikan penyampaian hadiah untuk pemenang pertandingan Hackathon Data Terbuka dan Hackathon Mobile Apps. Pengiktirafan turut diberikan kepada agensi yang melaksanakan pembangunan sistem secara dalaman melalui program Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Projek ICT Sektor Awam (KWAICT) dan juga agensi yang bekerjasama dalam



projek Government Online Service Gateway (GOSG).

Seramai tujuh pembentang tempatan daripada agensi kerajaan, badan berkanun IPTA dan industri seperti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Universiti Kebangsaan Malaysia

(UKM) dan Trend Micro Malaysia.

Sementara itu, 21 pakar antarabangsa juga hadir seperti Estonia, Belanda, Australia dan lain-lain lagi yang menjadi peneraju utama dalam pendigitalan.

Persidangan ini turut dimeriahkan dengan Karnival Digital yang disertai industri tempatan dan luar negara seperti TM One, GITN, CISCO, Redhat dan lain-lain serta agensi awam seperti MAMPU, Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara (MACGDI) dan banyak lagi yang memberi peluang kepada pengunjung untuk merasai the journey of digital revolution di negara ini.

Maklumat lanjut mengenai persidangan ini boleh didapati di <http://cioconvex.mampu.gov.my>.

